

## **PERSEPSI PELAJAR KEJURURAWATAN TERHADAP OBJECTIVE STRUCTURED CLINICAL EXAMINATION (OSCE)**

**Mazlina Hussain, Norizan Haron, Siti Rahayu  
Othman**

Fakulti Kejururawatan dan Sains Kesihatan, Kolej Universiti Islam  
Melaka

mazlina@kuim.edu.my

### ***Article history :***

*Received* : 15 June 2021

*Accepted* : 10 September 2021

*Published* : 26 January 2022

### **ABSTRAK**

OSCE kerap digunakan dalam bidang kejururawatan kerana ia adalah kaedah penilaian yang tepat dan boleh dipercayai untuk menilai prestasi kemahiran klinikal serta teori pelajar secara serentak. Pelajar yang kurang terdedah dengan peperiksaan OSCE dan skema pemarkahan didapati akan memberi kesan terhadap kelancaran pelaksanaan penilaian ini. Kesan daripada kaedah penilaian OSCE ini telah memberikan lebih keyakinan kepada pelajar dalam pendedahan kepada keadaan sebenar bidang kejururawatan serta membolehkan pelajar untuk melakukan latihan praktikal dengan selamat dan cekap dalam menjamin kualiti pendidikan kejururawatan yang lebih efektif dan berkesan. Terdapat satu kajian yang menyatakan persepsi pelajar terhadap OSCE menunjukkan bahawa pelajar gagal mengaitkan pengalaman klinikal semasa menjalani penilaian OSCE kerana disebabkan kekurangan latihan klinikal. Terdapat juga sesetengah pelajar merasakan hasil prestasi mereka semasa OSCE tidak sama seperti yang mereka lakukan semasa di lapangan klinikal. Mereka merasakan dapat melakukan latihan prosedur tertentu dengan lebih baik semasa di latihan klinikal berbanding di OSCE. Oleh itu, kajian ini bertujuan menilai persepsi pelajar terhadap pelaksanaan OSCE yang dijalankan sebagai salah satu kaedah yang berkesan dalam penilaian pelajar serta mencari penambahbaikan yang diperlukan. Melalui beberapa sorotan kajian yang telah ditemui mendapati majoriti persepsi pelajar kejururawatan tentang OSCE adalah bersetuju terhadap kesahihan kaedah penilaian ini. Pembelajaran secara realiti seperti persekitaran klinikal adalah penting bagi pelajar kejururawatan untuk menambahkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai sebagai jururawat berdaftar kelak. Secara tidak langsung, ia akan menggalakkan pelajar untuk menjadi lebih aktif dalam proses pembelajaran.

**Kata Kunci:** Persepsi, Jururawat Pelatih, *Objective Structured Clinical Examination (OSCE)*.

***Persepsi Pelajar Kejururawatan Terhadap Objective Structured Clinical Examination (OSCE)***

**ABSTRACT**

*OSCE is often used in nursing as it is an accurate and reliable assessment method for assessing the performance of clinical skills as well as students' theories simultaneously. Students who are less exposed to OSCE exams and scoring schemes are found to have an impact on the smooth implementation of the assessment. The impact of the OSCE assessment method has given students more confidence in exposure to the actual nursing field as well as enabling students to conduct practical training safely and efficiently in ensuring a more effective and effective quality of nursing education. There is a study that says students' perception of OSCE shows that students fail to relate to clinical experience during OSCE evaluation due to lack of clinical training. Some students also felt that their performance during the OSCE was not the same as they did while in the clinical field. They felt they could do certain procedural exercises better while in clinical training than in the OSCE. Therefore, this study aims to assess students' perception of the implementation of OSCE as one of the effective methods in student evaluation as well as to find the necessary improvements. Through some of the highlights the study has found that the majority of nursing students' perceptions about OSCE are agreeable on the validity of this assessment method. Real learning in reality such as the clinical environment is important for nursing students to increase their knowledge, skills, attitudes and values as registered nurses. Indirectly, it will encourage students to be more active in the learning process.*

***Keywords:*** *Perception, Nursing student, Objective Structured Clinical Examination.*

## **1.0 PENGENALAN**

*Objective Structured Clinical Examination* (OSCE) atau Peperiksaan Objektif Klinikal Berstruktur adalah peperiksaan yang direka untuk menilai kecekapan kemahiran klinikal pelajar sains kesihatan mengikut objektif penilaian dengan menggunakan senario yang direalisasikan dari situasi kehidupan sebenar pesakit. Semasa OSCE, setiap pelajar diminta untuk menunjukkan kemahiran klinikal tertentu sama seperti mereka menjalani latihan klinikal (Bdair, et al., 2019). OSCE adalah satu bentuk penilaian di mana pelajar menunjukkan simulasi kemahiran dan teori (Fidment, 2012).

Di dalam pendidikan kejururawatan, ada beberapa kaedah penilaian yang digunakan untuk menilai prestasi pelajar. Semasa latihan klinikal, setiap individu akan dinilai melalui beberapa kategori seperti kajian kes, *running assessment* dan OSCE mengikut masa yang telah ditetapkan dan mengikut kesesuaian tempat latihan klinikal. OSCE telah digunapakai secara meluas untuk menilai prestasi klinikal pelajar secara berstruktur, komprehensif dan konsisten. OSCE banyak digunakan kerana ia adalah kaedah penilaian yang tepat dan boleh dipercayai untuk menilai prestasi klinikal pelajar (Khin et al., 2016). Penilaian pengetahuan dan kemahiran memainkan peranan penting dalam kemajuan pelajar kejururawatan kerana mereka perlu menunjukkan kompetensi dan keyakinan terhadap prestasi kemahiran klinikal. Kebiasaannya universiti dan kolej kejururawatan menetapkan pelajar untuk menjalani OSCE pada setiap semester setelah lengkap menjalani latihan klinikal mengikut objektif penempatan dan kemahiran yang dinilai adalah sesuai dengan silibus. Semasa OSCE, pelajar bergilir melalui beberapa stesen yang dikendalikan oleh pemeriksa, di mana mereka dikehendaki untuk melaksanakan tugas klinikal yang berbeza seperti pengambilan sejarah, tafsiran klinikal data, melaksanakan tugas klinikal, teknik komunikasi atau penyelesaian masalah. Pelajar sentiasa diperhatikan dan prestasi mereka dinilai dengan menggunakan senarai semak berstruktur (Ahmad et al., 2009).

Jika digunakan dengan berkesan, OSCE dapat membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri untuk melaksanakan kemahiran klinikal mereka dalam peperiksaan, sama seperti apa yang mereka lakukan semasa latihan klinikal. Ini disokong oleh Panzarella & Manyon (2007) yang menyatakan OSCE adalah kaedah penilaian yang amat berkesan untuk menilai kompetensi klinikal pelajar dan dapat meningkatkan tahap keyakinan diri pelajar semasa di kawasan klinikal. Walaupun begitu, McWilliam & Botwinski (2010) berpendapat bahawa penilaian ini menjadi salah satu cabaran utama dalam pendidikan kejururawatan kerana ia merupakan kemampuan pelajar untuk memilih elemen kemahiran yang sesuai untuk diterapkan pada senario tertentu di dalam OSCE. Pada masa yang sama, walaupun kajian sebelumnya telah merekodkan pendapat pelajar mengatakan pengalaman tentang OSCE memberi kesan yang positif dan ia merupakan kaedah penilaian yang boleh diterima dan berguna untuk menentukan prestasi klinikal. Terdapat beberapa kajian di mana para pelajar mengatakan bahawa OSCE memberi tekanan kepada mereka serta merasakan tidak dapat

## ***Persepsi Pelajar Kejururawatan Terhadap Objective Structured Clinical Examination (OSCE)***

menunjukkan prestasi sama seperti yang mereka lakukan di dalam situasi klinikal sebenar. Ini terbukti dalam satu kajian sebelum ini yang berkongsi keprihatinan pelajar di mana OSCE boleh menyebabkan tekanan dan tidak memberi kesan yang positif kepada mereka (Khin et al., 2016). Mereka juga berpendapat OSCE memberi tekanan kerana mereka diperhatikan oleh pemeriksa semasa peperiksaan dijalankan dengan peruntukkan masa yang terhad. Tambahan lagi, ada di kalangan pelajar berpendapat bahawa OSCE hanya menilai kemahiran sahaja dan tidak memberi tumpuan kepada penjagaan holistik terhadap pesakit (M. S. Nurumal et al., 2016).

Justeru itu, mengenal pasti persepsi dan penerimaan pelajar terhadap OSCE ini sangat penting dalam menjamin ianya sebagai salah satu kaedah yang berkesan untuk menyokong pembelajaran pelajar dan dapat membantu mereka menguasai kemahiran yang diperlukan serta dapat diterapkan apabila mereka bergelar jururawat terlatih kelak. Ini kerana jururawat terlatih adalah antara kakitangan barisan hadapan yang sentiasa memberi perawatan dan kerjasama dengan cekap bersama petugas kesihatan yang lain dalam membantu menaiktaraf kesihatan komuniti yang maksima. Adalah diharapkan bahawa pengumpulan sorotan literatur ini amat diperlukan untuk penambahbaikan OSCE sebagai kaedah yang paling berkesan dalam menilai kemahiran dan pengetahuan klinikal pelajar.

### **2.0 SEJARAH AWAL *OBJECTIVE STRUCTURE CLINICAL EXAMINATION (OSCE)***

Sekolah Kejururawatan mula ditubuhkan pada tahun 1946 iaitu di Johor Bharu, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Sistem penjagaan kesihatan mula berkembang di Malaya pada tahun 1951 (Khin et al., 2016). OSCE telah diperkenalkan pada tahun 1975 oleh Harden dan telah diwartakan untuk kali pertama di dalam British Medical Journal di Scotland serta digunapakai didalam pendidikan perubatan pada awalnya. Kemudian OSCE di perluaskan penggunaannya di dalam bidang lain seperti kejururawatan, farmasi, pembantu perubatan dan pergigian untuk menguji prestasi klinikal pelajar mereka.

Kemahiran klinikal yang diperkenalkan sejak dahulu telah mempengaruhi peranan individu dalam mempraktikkan ilmu kejururawatan yang dipelajari. Kini, institusi-institusi pendidikan kejururawatan mengaplikasikan kemahiran klinikal bersama teori untuk menyokong pembelajaran tersebut yang lebih efektif berbanding teori semata-mata. Bidang pendidikan kejururawatan banyak menggunakan kaedah penilaian OSCE kerana ianya dapat menguji teori dan kemahiran klinikal pelajar secara serentak. Dua prinsip asas utama OSCE adalah objektiviti dan struktur. Objektiviti pada skema penandaan standad dan pemeriksa terlatih yang sama untuk setiap pelajar yang berlainan. OSCE juga merupakan maklum balas formatif sebaik sahaja peperiksaan selesai dilakukan dan untuk penambahbaikan program pendidikan kejururawatan. Penerapan ini memberikan lebih keyakinan kepada pelajar dalam pendedahan kepada keadaan sebenar bidang kejururawatan.

### **3.0 PERSEPSI PELAJAR**

Persepsi pelajar terhadap OSCE adalah sangat penting dalam menentukan keberkesanan OSCE serta memperkukuhkan proses pembelajaran klinikal pelajar. Banyak kajian mengenai penyediaan dan prestasi pelajar di OSCE telah dilakukan, tetapi beberapa kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar, kebimbangan dan tekanan yang berkaitan dengan peperiksaan ini serta pengajar pula tidak memberikan perhatian dan mengabaikan maklum balas daripada pelajar, oleh itu ia akan menambahkan tekanan kepada pelajar sendiri (El-Nemer & Kandeel, 2009).

Terdapat beberapa sorotan kajian yang berkaitan tentang persepsi pelajar terhadap OSCE yang di temui contohnya kajian daripada Maurya (2017) terhadap pelajar kejururawatan tahun ketiga *Basic Bachelor Sciences* dari Radhikabai Meghe Memorial College of Nursing, Sawangi, India. Kajian ini terbahagi kepada 2 seksyen iaitu persepsi pelajar terhadap proses OSCE dan persepsi pelajar terhadap kesahihan dan keberkesanan OSCE. Tahap pengetahuan dibahagikan kepada sangat bersetuju, bersetuju, neutral, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada kajian menunjukkan majoriti responden (>50%) bersetuju terhadap proses OSCE dan kesahihan dan keberkesanan OSCE.

Walaubagaimanapun, kajian daripada Khin et al. (2016) pula terhadap pelajar tahun 3 dan 4 *International Islamic University Malaysia*, mendapati sebanyak majority (86%) responden yang mempunyai persepsi positif terhadap OSCE manakala minority (14%) responden mempunyai persepsi negatif. Tetapi kajian ini tidak mempunyai perkaitan yang signifikan antara sosio-demografi, tahun pengajian dan jantina dengan persepsi pelajar. Justeru itu, pengkaji ini amat menggalakkan pihak pengurusan pendidikan kejururawatan untuk mengambil langkah penambahbaikan kualiti dan keberkesanan penilaian OSCE sebagai kaedah penilaian kemahiran klinikal yang paling berkesan.

Manakala kajian daripada Ahmed et al. (2015) terhadap persepsi, kebimbangan dan stres pelajar berkaitan OSCE kepada pelajar tahun 1 dan 4 di *Assiut University*, Egypt mendapati tahap kebimbangan responden yang sederhana (*mild anxiety*) adalah tinggi. Manakala tahap stres responden terhadap OSCE adalah tinggi. Manakala, persepsi responden terhadap kesahihan dan keberkesanan OSCE juga tinggi.

Menurut kajian daripada Awad et al. (2017) pula di Fakulti Kejururawatan, di Universiti Minia, Mesir dengan menggunakan kaedah kajian reka bentuk deskriptif. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik berstruktur terhadap pelajar tahun tiga (semester 2) untuk menilai tindak balas pelajar terhadap OSCE sebagai kaedah penilaian dan tahap kepuasan pelajar terhadap peperiksaan. Analisis responden terhadap persepsi mereka menunjukkan majoriti responden (95.4%) bersetuju bahawa peperiksaan itu tersusun dengan baik dan wajar. Kajian ini menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa penilaian OSCE adalah adil dalam menguji pengetahuan dan kemahiran serta meminimumkan peluang mereka untuk gagal dalam peperiksaan berbanding format

## *Persepsi Pelajar Kejururawatan Terhadap Objective Structured Clinical Examination (OSCE)*

ujian lain. Kemudahan penggunaan, kejelasan sistem dan tekanan yang berkurangan menjadikan peperiksaan itu popular di kalangan pelajar.

Manakala Rush et al. (2014) dalam kajian mereka tentang persepsi pelajar terhadap penilaian klinikal di makmal kemahiran: Kajian penilaian OSCE dengan maklum balas segera ke atas pelajar tahun 1 di *University Kingston* dan *St. George's University of London, United Kingdom*. Kajian yang telah dijalankan untuk mengenalpasti penglibatan pelajar dengan OSCE, nilai dan impaknya serta kelestariannya dari perspektif pelajar. Penemuan menunjukkan bahawa maklum balas pelajar dilihat secara positif serta memberi impak positif kepada pembelajaran, keyakinan pelajar dan dirasakan sebagai satu bentuk penilaian yang perlu diteruskan penggunaannya oleh universiti ini. Kajian ini juga mendapati tahap stres pelajar terhadap OSCE adalah tinggi.

### 3.1 Kebaikan

Tujuan penggunaan OSCE adalah untuk menilai kompetensi dan prestasi klinikal pelajar. Ia membolehkan pelajar untuk mempraktikkan latihan klinikal dengan selamat dan cekap dalam menjamin kualiti pendidikan kejururawatan yang tinggi. Nulty et al. (2011) bersetuju bahawa penilaian kemahiran klinikal serta teori seperti OSCE adalah sesuai dengan silibus program kejururawatan. Byrne dan Smith (2008) juga menyokong penggunaan OSCE di dalam kurikulum kejururawatan. Penyediaan stesen OSCE dan kaedah penilaian pelajar adalah selaras mengikut skema soalan dan pemarkahan dengan berpandukan senarai semak bertulis yang seragam. Dengan itu, pelajar akan dapat menggambarkan OSCE adalah seperti suasana yang sudah biasa mereka hadapi. Selain itu, pelajar dapat melakukan kemahiran yang diperlukan di dalam OSCE seperti mana pengalaman yang telah diperolehi semasa latihan klinikal dan seterusnya dapat diaplikasikan semula di kawasan klinikal dengan menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi tanpa menjejaskan keselamatan pesakit. Dengan ini tahap kebimbangan dan stres di kalangan pelajar akan berkurangan. Pembelajaran dalam realiti persekitaran klinikal adalah konteks bagi pelajar kejururawatan untuk membangunkan pengetahuan, kemahiran, sikap, dan nilai sebagai jururawat berdaftar.

OSCE merupakan kaedah penilaian yang paling tepat, boleh dipercayai dan berkesan untuk penilaian (Harden, 1990). OSCE dapat memupuk pendekatan yang lebih mendalam untuk pembelajaran dan menggalakkan pembelajaran refleksi yang lebih efektif (Barry et al, 2012; Jay, 2007). Secara tidak langsung, ia menggalakkan pelajar untuk menjadi lebih aktif dalam proses pembelajaran. OSCE mempunyai objektif yang lebih besar dan subjektif pemeriksa yang lebih rendah daripada kebanyakan kaedah penilaian lain. Ianya dapat digunakan untuk menilai pelbagai kemahiran dengan kaedah yang objektif (Watson et al, 2002). Akan tetapi, kemahiran itu perlu dilaksanakan selari sepertimana yang pelajar akan lakukan di kawasan klinikal. Dengan ini, ianya menggalakan pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan logik dikalangan pelajar. Pelajar juga akan dapat mengaitkan kemahiran di antara OSCE dan kawasan klinikal, jadi mereka akan lebih berkeyakinan untuk

menangani situasi di kawasan klinikal (Barry et al, 2012; Nulty et al, 2011; Jay, 2007; Brosnan et al, 2006; Alinier, 2003).

### 3.2 Kelemahan

Pelaksanaan OSCE dalam pendidikan kejururawatan mempunyai beberapa kelemahan dan halangan yang menghadkan penggunaannya. Pelajar yang kurang terdedah dengan peperiksaan OSCE dan skema pemarkahan didapati akan memberi kesan terhadap kelancaran proses pelaksanaannya. Cazzell dan Rodriguez (2011) mengatakan bahawa pelajar gagal mengaitkan pengalaman klinikal dan penilaian OSCE kerana disebabkan kekurangan latihan amali. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa OSCE tidak selalu menunjukkan kecekapan pelajar (Mejar, 2005; Hodges, 2003). Faktor luaran seperti *short cut* sewaktu melakukan prosedur boleh menyumbang ke arah prestasi buruk dalam OSCE dan ulangan di OSCE boleh menyebabkan penilaian kecekapan tidak kompeten dan tidak tepat (Kirton dan Kravitz, 2011).

Walaupun pelaksanaan OSCE di Kolej Putera Khalid, Jabatan Kejururawatan adalah amat mencabar kerana kekurangan kemudahan dan pengalaman, Apabila melibatkan kumpulan pelajar yang besar, OSCE boleh menyebabkan keletihan kepada kakitangan. Implikasinya yang melibatkan sumber dan kos perbelanjaan, akan menimbulkan persoalan sama ada OSCE adalah satu bentuk penilaian yang berkualiti untuk sesetengah universiti. Milutinović (2013) menyimpulkan bahawa penggunaan OSCE memerlukan organisasi, senarai semak, bilangan pemeriksa, masa dan sokongan kewangan. Peluang untuk soalan bocor adalah tinggi jika terdapat kekurangan kakitangan untuk menjalankan penilaian ini. Selain itu, skema pemarkahan OSCE memberi tumpuan kepada penilaian kecekapan prosedur kejururawatan tertentu tetapi kurang fokus pada pendekatan holistik. Pemeriksa memerlukan latihan intensif untuk menghasilkan kaedah pemarkahan yang efektif serta berkualiti.

Dari segi psikologi pula, ianya akan memberi tekanan dan kebimbangan yang tinggi di kalangan pelajar terutama sekali apabila mereka diperhatikan dan dinilai seperti pernyataan yang disebut sebelum ini (Khin et al., 2016).

## 4.0 CADANGAN

OSCE mempunyai peranan penting dalam meningkatkan proses penilaian pelajar dalam pendidikan kejururawatan contohnya, meningkatkan kecekapan jururawat dalam memberi penjagaan kejururawatan, meningkatkan keyakinan pelajar untuk persediaan awal amalan klinikal dan mengintegrasikan kemahiran yang diperolehi ke dalam profesion kejururawatan. Pelan tindakan untuk mengatasi halangan dan cabaran untuk melaksanakan OSCE adalah amat diperlukan daripada semua pihak dalam memastikan OSCE adalah kaedah penilaian terbaik dalam menilai pelajar

## *Persepsi Pelajar Kejururawatan Terhadap Objective Structured Clinical Examination (OSCE)*

kejururawatan. Pengurusan kejururawatan dan pengajar mempunyai peranan yang sama penting dalam mewujudkan persekitaran yang baik untuk melaksanakan serta menambahbaik OSCE sebagai proses pendidikan kejururawatan. Penyelidikan kejururawatan perlu memainkan peranan utama untuk mengenalpasti pandangan pelajar kejururawatan dan pengajar mengenai kepenggunaan penilaian OSCE dari segi keperluan, persepsi dan halangan dengan menjalankan lebih banyak kajian kualitatif untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik. Justeru itu, implementasi yang sesuai boleh dilaksanakan. Penggunaan OSCE dalam penilaian jururawat di masa hadapan amat diperlukan kerana ia dapat membantu meningkatkan kualiti pendidikan kejururawatan dan kualiti penjagaan kejururawatan. Justeru itu, kajian ini diperlukan supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan membantu pengajar kejururawatan menggunakan penilaian OSCE dengan lebih meluas (Bdair et. al, 2019).

Pengajar kejururawatan mempunyai cabaran untuk memastikan bahawa proses penilaian OSCE adalah tepat dan boleh dipercayai (Martensson dan Lofmark, 2013; Rushforth, 2007). Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kaedah OSCE ini telah diwujudkan dan masih dipraktikkan dalam penilaian terhadap pelajar kejururawatan. Melalui sorotan kajian yang telah ditemui mendapati majority persepsi pelajar kejururawatan adalah "Sangat Bersetuju" dan "Bersetuju" terhadap kesahihan kaedah penilaian OSCE. Oleh itu, kaedah penilaian berasaskan kemahiran diletakkan pada tahap yang paling utama. Pada masa yang sama, kaedah ini benar-benar boleh dipercayai, stabil dan praktikal.

Selain daripada itu, para pengajar atau badan-badan khas tertentu boleh meneliti dan memperhalusi struktur-struktur OSCE agar lebih efektif dan objektif bagi setiap perlaksananya. Seterusnya akan menghasilkan kelancaran sepanjang tempoh OSCE diimplementasikan. Lantaran itu boleh memberi impak yang positif kepada pelajar kejururawatan agar setiap prosedur yg dilakukan dipatuhi bukan sahaja sewaktu dinilai bahkan dipatuhi apabila mereka berada di kawasan praktikal seterusnya diamalkan apabila mereka sudah bergelar jururawat berdaftar kelak.

## **5.0 KESIMPULAN**

Secara amnya, OSCE adalah kaedah yang paling sesuai untuk menilai kemahiran klinikal yang mampu menilai banyak kemahiran yang tidak boleh dinilai melalui ujian konvensional yang lain (Maurya, 2017). Kaedah penilaian OSCE ini juga digunakan di kebanyakan Kolej Perubatan di serata dunia sejak dari tahun 1975 dan terbukti menunjukkan kaedah penilaian OSCE ini adalah amat berkesan dan tepat dalam menilai kecekapan kemahiran klinikal pelajar. Implementasi OSCE sebagai salah satu kaedah penilaian kemahiran pelajar dan prestasi klinikal mempunyai kesan positif terhadap persediaan pelajar untuk menjadi jururawat professional di masa hadapan (Selim et al., 2011) dan proses pendidikan kejururawatan (Solà et al., 2017). Dalam OSCE, satu atau lebih kaedah penilaian digunakan semasa beberapa stesen berlainan, di mana pelajar menemui pesakit atau pesakit simulasi. Penetapan had masa setiap stesen biasanya mengambil masa 5-10 minit untuk melengkapkan OSCE

adalah mengikut institusi pengajian masing-masing. Melalui maklum balas pelajar yang mengesahkan penerimaan mereka terhadap OSCE, adalah amat wajar dan paling mudah untuk menilai dalam pelbagai asas pengetahuan secara teori dan kemahiran klinikal. Lantaran itu, penulis-penulis dari sorotan kajian yang di temui menyarankan supaya pihak pentadbiran kejururawatan menjalankan kajian lanjutan untuk penambahbaikan OSCE mengikut peredaran zaman. Secara keseluruhannya, OSCE boleh di beri penghargaan kerana penilaian kemahiran klinikal ini adalah kaedah yang selari, boleh dipercayai dan tepat (Maurya, 2017).

Diharapkan penambahbaikan yang akan dijalankan akan dapat meningkatkan kualiti OSCE serta dapat meningkatkan kualiti pelajar kejururawatan yang bakal berkhidmat kepada negara dan bangsa.

## 6.0 RUJUKAN

- Ahmed, E., Mohamed, S., Mehany, M., & Yousef, Y. (2015). Nursing Students' Perception, Anxiety, and Stress during Objective Structured Clinical Examination (OSCE). *Assiut Scientific Nursing Journal*, 3(6).  
<https://doi.org/10.21608/asnj.2015.59782>
- Awad, L. A., Ahmed, S., Alshamandy, A. A., & Abolwafa, N. F. (2017). Perception of Undergraduate Nursing Students towards Objective Structured Clinical Examination (OSCE). *IOSR Journal of Nursing and Health Science Ver. VII*, 6(5), 2320–1940. [www.iosrjournals.org](http://www.iosrjournals.org)
- Alinier, G., (2003). Nursing students' and lecturers' perspectives of objective structured clinical examination incorporating simulation. *Nurse Education Today*; 23: 6, 419-426.
- Bdair, I. A. A., Abuzaineh, H. F., & Burqan, H. M. R. (2019). Advantages and Disadvantages of the Objective Structured Clinical Examination OSCE in Nursing Education: A Literature Review. *International Journal of Trend in Scientific Research and Development*. <https://doi.org/10.31142/ijtsrd20269>
- Barry, M. et al., (2012). An exploration of student midwives' experiences of the Objective Structured Clinical Examination assessment process. *Nurse Education Today*; 32: 6, 690-694.
- Brosnan, M. et al., (2006). Implementing objective structured clinical skills evaluation (OSCE) in nurse education programmes in a centre in Ireland: an utilisation focused evaluation. *Nurse Education Today*; 26: 2, 115-122.
- Byrne, E. & Smyth, S., (2008). Lecturers' experience and perspectives of using an objective structured clinical examination. *Nurse Education in Practice*; 8: 4, 283-289.
- Cazzell, M., & Rodriguez, A. (2011). Qualitative analysis of student beliefs and attitudes after an objective structured clinical evaluation: implications for affective domain learning in undergraduate nursing education. *Journal of Nursing Education*, 50(12), 711- 714.
- El-Nemer, A. & Kandeel N., (2009). Using OSCE as an Assessment Tool for Clinical Skills: Nursing Students' Feedback. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*.3 (3): 2465-72.
- Fidment, S. (2012). The objective structured clinical exam (OSCE): A qualitative study exploring the healthcare student's experience. *Student engagement and experience journal*, 1(1), 1- 18.
- Harden, R. M., (1990). Twelve tips for organising an OSCE. *Medical Teacher*; 12: (3-4) 259-264. Hodges, B. (2003). Validity and the OSCE. *Med Teach*: 25(3):250-254
- Jay, A., (2007). Students' perceptions of the OSCE: a valid assessment tool?. *British Journal of Midwifery*; 15: 1, 32-37.

- Kirton, S. & Kravitz, L., (2011). Objective structured clinical examinations (OSCE) compared with traditional assessment methods. *American Journal of Pharmaceutical Education*; 75: 6, 111.
- Khin, A. et al., (2016). Original Article Nursing Students' Perceptions on Objective Structured Clinical Examination (OSCE). *MRIMS Journal of Health Sciences 2016*; 4(4). 4. pISSN: 2321-7006, eISSN: 2321.
- Maurya, A. (2017). Perception of OSCE by Nursing Students. *International Journal of Science and Research (IJSR)*, 6(8).
- Milutinović, D. (2013). Assessing clinical skill competence of nursing students through Objective Structured Clinical Examination. *South Eastern Europe Health Sciences Journal*, 3(1), 13- 18.
- Mårtensson, G. & Löfmark, A., (2013). Implementation and student evaluation of clinical final examination in nursing education. *Nurse Education Today*; 33; 12: 1563-1568.
- Major, D., (2005). OSCEs - seven years on the bandwagon: the progress of an objective structured clinical evaluation programme. *Nurse Education Today*, 25(6): 442-54
- McWilliams, P., & Botwinski, C. (2010). Developing A Successful Nursing Objective Structured Clinical Examination. *The Journal of Nursing Education*, 49(1), 6–41.
- M. S. Nurumal, K. T. Aung & S. Ismail (2016). Reliability and Validity of the Objective Structured Clinical Assessment (OSCA) in Undergraduate Nursing Program. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences ISSN (online): 2462-1951*. Vol. 4, No. 2. Pages 146-151, 2016
- Nulty, D. et al., (2011). Best practice guidelines for use of OSCEs: maximising value for student learning *Nurse Education Today*; 31: 2, 145-151.
- Panzarella, K. & Manyon, A., (2007). A Model for Integrated Assessment of Clinical . Competence *Journal of Allied Health*, 36:157– 164.
- Rushforth, H., (2007). Objective structured clinical examination (OSCE): review of literature and implications for nursing education. *Nurse Education Today*; 27: 5, 481-490.
- Rush, S., Ooms, A., Marks-Maran, D., & Firth, T. (2014). Students' perceptions of practice assessment in the skills laboratory: An evaluation study of OSCAs with immediate feedback. *Nurse Education in Practice*. <https://doi.org/10.1016/j.nepr.2014.06.008>
- Selim, A. A., Ramadan, F. H., El-Gueneidy, M. M. & Gaafer, M. M., (2012). Using Objective Structured Clinical Examination (OSCE) in undergraduate psychiatric nursing education: is it reliable and valid?. *Nurse education today*, 32(3), 283-288.
- Solà, M., Pulpón, A. M., Morin, V., Sancho, R., Clèries, X. & Fabrellas, N. (2017). Towards the implementation of OSCE in undergraduate nursing curriculum: A qualitative study. *Nurse education today*, 49, 163-167.
- Watson, R. et al., (2002). Clinical competence assessment in nursing: a systematic review of the literature. *Journal of Advanced Nursing*; 39: 5, 421-431.